

Rujukan : UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4
Tarikh : 11 September 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 19/2026

Semua warga
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN JEREBU UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, berikutan keadaan kualiti udara yang tidak baik dan ancaman jerebu, pihak Universiti telah menyediakan Pelan Tindakan Jerebu UKM sebagai panduan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan seluruh warga kampus sentiasa terpelihara.

3. Oleh yang demikian, semua Pusat Tanggungjawab hendaklah mematuhi ketetapan aktiviti mengikut paras Indeks Pencemaran Udara (IPU) seperti berikut:

IPU	Kualiti Udara	Aktiviti Pembelajaran	Kerja Lapangan	Penganjuran Program Luaran
0-50	Baik	Aktiviti dijalankan seperti biasa.	Aktiviti dijalankan seperti biasa.	Aktiviti dijalankan seperti biasa.
51-100	Sederhana	Pembelajaran bersemuka seperti biasa.	Aktiviti dijalankan seperti biasa.	Dinasihatkan untuk mengurangkan program luaran.
101-150	Kurang Sihat	Pembelajaran bersemuka seperti biasa.	Dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti luaran. Digalakkan menggunakan pelitup muka N95.	Dinasihatkan untuk mengurangkan program luaran. Golongan berisiko tinggi (individu < 18 tahun/ warga emas/berpenyakit) dikecualikan menyertai program.

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pendaftar

IPU	Kualiti Udara	Aktiviti Pembelajaran	Kerja Lapangan	Penganjuran Program Luaran
151-200	Tidak Sihat	Pembelajaran bersemuka seperti biasa.	Dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti luaran. Diwajibkan menggunakan pelitup muka N95.	Semua penganjuran program luaran ditangguhkan.
201-300	Sangat Tidak Sihat.	Semua pembelajaran bersemuka ditangguhkan. Pembelajaran dilakukan secara atas talian.	Semua aktiviti kerja lapangan ditangguhkan.	Semua penganjuran program luaran ditangguhkan.
Melebihi 300	Berbahaya	- Semua aktiviti luar tidak dibenarkan - Pembelajaran secara atas talian - Melaksanakan Hari Bekerja Hibrid sepenuhnya (kecuali perkhidmatan kritikal) - Penggunaan pelitup muka N95 diwajibkan		

4. Semua warga UKM juga dinasihatkan untuk:

- Memperbanyakkan minum air bersih;
- Menggunakan pelitup muka jenis N95;
- Memanfaatkan kemudahan pembelajaran dan mesyuarat atas talian; dan
- Mengurangkan aktiviti luar dan mengutamakan keselamatan kelompok berisiko tinggi (individu < 18 tahun/warga emas/berpenyakit).

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dirujuk kepada Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti melalui talian:03-8921 5403 atau Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melalui talian:03-8921 3255. Bersama-sama ini, dilampirkan infografik sebagai rujukan.

Kerjasama dan keprihatinan seluruh warga UKM dalam mematuhi pelan tindakan ini amatlah dihargai demi menjaga keselamatan bersama.

...3/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pendaftar

Sekian, terima kasih.

"IMAN ILMU AMAL"

Yang benar,




HAJI ZANUDIN MOHD DAUD

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
 - Timbalan-timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-3-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pendaftar

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my